


# LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM

Peraturan 19: P.U (A) 395/1993



Seseorang pegawai **TIDAK BOLEH** secara lisan atau bertulis tanpa kebenaran bertulis YB Menteri :

- Membuat apa-apa pernyataan awam mengenai dasar, program, atau keputusan Kerajaan di atas apa-apa isu
- Memberi apa-apa maklumat faktual berhubung jabatannya
- Memberi apa-apa penjelasan atau laporan berhubung apa-apa insiden di jabatannya



Seseorang pegawai **TIDAK BOLEH** secara lisan atau bertulis membuat apa-apa pernyataan awam yang memudaratkan mana-mana dasar, program atau keputusan Kerajaan atau yang boleh memalukan Kerajaan atau membuat apa-apa ulasan mengenai kebaikan atau kelemahan mana-mana dasar, program atau keputusan Kerajaan

## Tindakan Tatatertib

Tindakan tatatertib boleh diambil sekiranya pegawai didapati bersalah yang boleh membawa hukuman maksimum buang kerja kerana perbuatan tersebut ditafsirkan sebagai ingkar perintah dan menjejaskan imej perkhidmatan awam.

Surat KPPA 15 Julai 2016

## Etika Penggunaan Media Sosial oleh Penjawat Awam

Penjawat awam hendaklah patuhi etika penggunaan media sosial :



You  
Tube

- ✗ TIDAK menggunakan media sosial bagi tujuan peribadi ketika waktu pejabat
- ✗ TIDAK mendedahkan maklumat rasmi dalam media sosial
- ✗ TIDAK membuat komen berbentuk serangan peribadi atau isu-isu yang melibatkan agensi
- ✚ SEMAK ketepatan dan sensitiviti maklumat sebelum dihantar
- ✚ PASTIKAN perkongsian/penggunaan maklumat berkenaan dengan hak cipta atau harta intelek mendapat kebenaran



Fikir  
Sebelum  
Bertindak!

